

SH-49
Pantau keadaan banjir 8/10

KUALALIPIS - Pihak Bomba dan Penyelamat Kuala Lipis membuat pemantauan dari semasa ke semasa biarpun paras air yang menyebabkan banjir kilat di Kuala Medang kian surut.

Kira-kira jam 5 pagi semalam, kawasan tersebut mula dibanjiri selepas paras air sungai meningkat melimpahi tebing kawasan terbabit.

Komander Operasi Kanan, Shahrulnizam Nasir berkata, air di kawasan tersebut mula surut kira-kira jam 12.30 tengah hari semalam.

"Kita membuat pemantauan dari semasa ke semasa dan tetap bersedia sebarang kemungkinan jika paras air kembali naik.

"Seramai tiga anggota yang terlibat dalam pemantauan ini selain mendapat bantuan daripada pihak polis dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, sebanyak empat buah kediaman terlibat dalam kejadian itu namun tiada pemindahan mangsa dilakukan setakat ini.